

# Majlis Anugerah Motivasi REPSOL Tahun 2018



Labuan, 13 Feb 2018 – Majlis Anugerah Motivasi REPSOL Tahun 2018 bagi murid-murid UPSR dan PT3 Tahun 2017 dari Golongan Komuniti Nelayan Peringkat WP Labuan telah diadakan di Grand Dorsett Hotel WP Labuan yang melibatkan seramai lima puluh (50) murid UPSR dan PT3 Tahun 2017. Antara tetamu kehormat yang hadir ialah Ybgh Datuk Eddie Abdullah Penasihat Perhubungan Komuniti & Kerajaan (Sabah&Labuan) Repsol Oil&Gas Malaysia Limited, En.Ahmad Fakhrurazzi Arshad Pengurus Stakeholder Relations, Repsol Oil & Gas Malaysia Limite, Encik Raisin bin Saidin Pengarah Pendidikan W.P Labuan, Pegawai-pegawai Repsol Oil & Gas Malaysia Limited, Ketua-Ketua Sektor Jabatan Pendidikan W.P. Labuan, Pengetua dan Guru Besar.



Majlis ini bertujuan untuk menyalurkan sumbangan dalam bentuk wang ringgit kepada murid-murid dari golongan komuniti nelayan dan juga berpendapatan rendah yang tinggal di Wilayah Persekutuan Labuan. Bantuan ini merupakan insentif daripada Repsol Oil & Gas Malaysia Limited yang bukan sahaja berniaga semata-mata tetapi dalam masa yang sama, syarikat ini banyak membantu komuniti di sekitar tempat operasi khususnya di luar pantai iaitu kaum nelayan.

Objektif program ini adalah untuk menghargai dedikasi dan komitmen murid-murid melalui bantuan wang ringgit secara 'one off'. Dalam ucapan aluan Tuan Raisin berharap "dengan adanya bantuan ini, murid-murid khususnya yang layak menerima anugerah ini, akan menggunakan wang bantuan tersebut untuk membeli peralatan sekolah dan buku-buku pelajaran. Dan semoga dengan adanya bantuan ini, sedikit sebanyak dapat meningkatkan motivasi murid-murid dalam pembelajaran dan kemenjadian murid dalam akademik".



---

**Lions Club Mandarin W.P.  
Labuan Bantu Murid Sekolah  
Menengah St. Anthony  
Wilayah Persekutuan Labuan**



LABUAN Lions Club Mandarin telah mengadakan salah satu projek amal membantu murid-murid dari keluarga berpendapatan rendah dalam bentuk pemberian kupon pemakanan berkhasiat. Pengerusi Lions Club Mr. Chin Kin Yin menyatakan sejumlah RM7500.00 diberikan kepada 10 orang murid terpilih di Sekolah Menengah St. Anthony W.P.Labuan. Encik Chin Kin Yin dalam ucapan beliau semasa majlis penyerahan sumbangan di SM. St. Anthony pada 31 Januari 2018, berharap dengan sumbangan dapat meringankan beban ibu bapa sekaligus menyokong para pelajar untuk meneruskan persekolahan mereka.

Puan Dona Binti Undoh selaku Pengetua sekolah SM. St. Anthony, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas keperihatinan pihak Lions Club Mandarian Labuan. Menurut beliau pemilihan pelajar bagi program ini bukan sahaja dari latar belakang keluarga, tetapi juga aspek sahsiah, kehadiran ke sekolah dan pencapaian akademik. Beliau juga mengucapkan penghargaan kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Encik Yee Choon Hian atas usaha mengadakan program jaringan dengan pihak NGO ini.



En Tan Chin Fah, President Lion Clubs Mandarin Labuan semasa menyampaikan ucapan di Majlis Serahan cek bernilai RM7500.00 di Sekolah Menengah St. Anthony WP Labuan



Gambar 10 orang murid terpilih sebagai penerima bantuan Lions Club Mandarin Labuan

---

## Lawatan Pengarah ke SMK Lajau 2018



**LABUAN, 29 Jan 2018** – Kata-kata keramat “Pemimpin Berjiwa Rakyat” dan “Pemimpin Turun Padang” amat sinonim dengan pemimpin yang mesra dengan masyarakat di bawahnya.

SMK Lajau menzahirkan rasa berterima kasih dan bersyukur atas kesediaan Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) En. Raisin bin Saidin berserta Ketua-ketua Sektor hadir ke SMK Lajau bagi bermesra bersama guru dan murid dalam perhimpunan rasmi mingguan sekolah.

Dalam majlis itu, Pengarah JPWPL, En. Raisin Saidin menyampaikan amanat dan nasihat kepada murid-murid agar sentiasa rajin menghadiri diri ke sekolah dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menimba ilmu pengetahuan di samping mengamalkan budaya pelajar cemerlang dengan sentiasa menepati masa dan menghormati warga pendidik yang bersungguh-sungguh menyampaikan ilmu kepada mereka.



En. Raisin menyampaikan ucapan dalam perhimpunan rasmi mingguan sekolah bersama murid-murid.



Murid-murid tekun mendengar ucapan dan amanat daripada Pengarah Jabatan Pelajaran WP Labuan.

Selain itu, En. Raisin Saidin juga menyarankan kepada seluruh warga pendidik di SMK Lajau supaya mengamalkan pembelajaran Abad Ke-21 sesuai dengan PPPM 2013-2025 selari dengan arus pemodenan semasa.

Pada masa yang sama, guru juga diingatkan supaya sentiasa kreatif dan inovatif dalam menyampaikan wacana kepada murid-murid di dalam kelas.

Terdahulu, En. Raisin Saidin telah tiba di SMK Lajau seawal jam 6.40 pagi bagi sama-sama menyambut kehadiran murid di pagar sekolah bersama Pentadbir SMK Lajau yang terdiri daripada En. Mohd Jamatin Abd Latip (Pengetua), Cik Nor Ain Mohamed ( PK Pentadbiran ), En. Jasmi bin Sabtu (PK HEM), En. Dahlan Kassim (PK Kokum) dan Pn. Noraini Sabuddin (PK PPKI) untuk menghidupkan budaya Program Guru Penyayang di sekolah.



Amalan Program Guru Penyayang menyambut kehadiran murid di pintu masuk sekolah.

En. Raisin Saidin beserta rombongan Ketua Sektor JPN WPL sempat merakamkan kenangan bersama warga pendidik SMK Lajau tahun 2018 sebelum mereka berangkat meninggalkan SMK Lajau kira-kira jam 8.00 pagi.

**Sumber Berita : SMK Lajau**

---

# **Merentas Desa SMK Lajau 2018**



**Labuan, 4 Februari** – Merentas Desa telah menjadi program tahunan SMK Lajau di sini selaras dengan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk melahirkan modal insan secara holistik, tidak hanya tertumpu kepada kejayaan akademik tetapi juga mengeratkan silaturrahim dalam kalangan pelajar, guru-guru dan ibu bapa.

Pengetua SMK Lajau, Encik Mohd Jamatin bin Abd Latip berkata, murid yang cemerlang bukan sahaja dilihat pada kejayaan dalam bidang akademik semata-mata tetapi juga perlu diimbangi dengan kejayaan dalam aspek sukan dan kokurikulum.

Beliau juga menyatakan bahawa program ini menekankan aspek keselamatan murid memandangkan murid berlari merentasi beberapa kampung untuk melengkapkan larian mereka termasuklah Kg. Batu Arang, Kg. Tanjung Aru dan Kg. Lajau.



Pengetua bergambar bersama peserta kategori bawah 18 tahun sebelum larian bermula

Aktiviti ini dianjurkan oleh Unit Kokurikulum dan Sukan SMK Lajau yang diketuai oleh Encik Dahlan bin Kassim, Penolong Kanan Kokurikulum dan acara ini melibatkan semua pelajar Tingkatan 1 hingga 5 termasuklah pelajar Program Pendidikan Khas dan Integrasi (PPKI) mewakili 5 buah rumah sukan terdiri daripada Rumah Satria, Rumah Wira, Rumah Waja, Rumah Perdana, dan Rumah Inspira.

Pertandingan yang melibatkan acara individu dan berpasukan itu meletakkan empat kategori yang terdiri daripada kategori bawah 15 tahun lelaki dan perempuan, kategori bawah 18 tahun lelaki dan perempuan di mana larian kesemua kategori ini perlu melalui laluan sejauh 7KM bagi melengkapkan larian mereka.

Rumah Wira muncul sebagai juara keseluruhan Merentas Desa SMK Lajau tahun ini manakala naib johan dimenangi oleh rumah Satria, tempat ketiga Rumah Perdana, Rumah Waja dan Inspira masing-masing tempat keempat dan kelima.

Semua pemenang tempat pertama hingga ke enam setiap kategori akan mewakili SMK Lajau ke pertandingan Merentas

Desa peringkat Negeri Wilayah Persekutuan Labuan.



Pelajar-pelajar Program Pendidikan Khas (PPKI) yang menyertai Merentas Desa



Pengetua memberi bantuan air minuman kepada peserta yang keletihan berlari.



Pemenang Kategori bawah 18 tahun adik Ak Aminur Hamidon

Sumber Berita : SMK Lajau

---

# Rumah Sukan Garuda UngguLi Merentas Desa SMK Labuan



**Labuan** – Rumah Sukan Garuda, mengungguli Kejohanan Merentas Desa Peringkat SMK Labuan yang telah diadakan pada 26hb Januari 2018.

Seramai 1200 murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, dibahagikan kepada 4 kategori iaitu L15, P15, L18 & P18 telah menyertai kejohanan ini dengan jarak larian sejauh 6 km dan 8 km mengikut kategori.

Matlamat utama kejohanan ialah untuk melaksanakan salah satu acara dalam Dasar 1 Murid 1 Sukan, di mana semua murid menyertai acara ini.

Seterusnya dapat memilih wakil sekolah ke kejohanan Merentas Desa peringkat MSSWPL yang akan diadakan pada bulan Februari 2018.

Menariknya, kejohanan ini dibantu oleh pelajar Tingkatan 6 Atas sebagai ahli jawatankuasa pengelola.

Johan Kategori Individu Lelaki 18 Tahun diraih oleh Md Alias Muhammad Junaidi dari (Rumah Sukan Garuda), Johan Lelaki 15 tahun, Mahathir Hamzi (Rumah Sukan Kenyalang).

Manakala Johan Perempuan 18 tahun, Norazrina Junih (Rumah Sukan Garuda) dan Johan Perempuan 15 tahun, Dayang

Norsyafiqah Ag Azami.

Hadiah-hadiah berupa medal dan sijil disampaikan oleh Pengetua SMK Labuan.



Johan Kategori Individu : Dari kiri : Dayang Norsyafiqah, Norazrina Junih, Md Alias dan Mahathir Hamzi, bersama Ismail Abdullah dan Cheah Teong Aik.

Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail Abdullah berharap agar aktiviti Merentas Desa ini akan mendorong murid-murid untuk terus terlibat dalam aktiviti kecergasan dan menyumbang kepada kesihatan diri sendiri.

Encik Ismail dan guru-guru juga terlibat menyertai larian sejauh 6 km sebagai sokongan dan dorongan kepada semua murid yang menyertai kejohanan ini.

Penghargaan setinggi-tingginya kepada semua guru SMK Labuan, Polis Trafik, Agensi Pertahanan Awam, Hospital Labuan dan semua pelajar Tingkatan 6 SMK Labuan.



Encik Ismail bersama guru-guru yang menyertai larian (dari kiri : Ramlae Abd Rashid, Azizan Razali , Ismail Abdullah, Jaya Masir)

## Hari Merentas Desa SAS 2018



**Labuan** – SM St. Anthony, W.P Labuan telah mengadakan acara Merentas Desa sejauh 8 Kilometer bagi kategori Lelaki A (18 tahun) dan 6 kilometer bagi kategori

Perempuan A (18 tahun), Perempuan B dan Lelaki B (15 tahun) pada pagi Jumaat yang lepas iaitu bersamaan dengan 26 Januari 2018.

Acara ini diadakan bagi mencungkil bakat murid-murid di samping mendorong mereka melakukan aktiviti yang sihat dengan konsep "Badan Sihat Otak Cergas" sebagai pemangkin kecemerlangan akademik murid sekolah ini.

Acara ini telah melibatkan hampir 440 orang murid dari tingkatan 1, 2, 3, 4, dan 5. Empat kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori Lelaki 15 tahun dan Lelaki 18 tahun serta Perempuan 15 tahun dan Perempuan 18 tahun.

Menurut pengetua SAS Puan Dona Undoh, selain mencungkil bakat murid dalam acara larian, program ini juga dijalankan sebagai memilih wakil untuk pertandingan ke peringkat negeri pada tahun ini.

Puan Dona juga turut menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha memberi penekanan terhadap peranan sukan dan aktiviti kokurikulum di sekolah bagi melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial iaitu selaras dengan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013- 2025 untuk melahirkan modal insan secara holistik yang tidak hanya tertumpu kepada kejayaan akademik semata-mata, maka Dasar 1Murid 1Sukan adalah amat sesuai diwajibkan kepada setiap murid mengambil bahagian.

Pelepasan peserta telah disempurnakan oleh NYDP PIBG SM St. Anthony iaitu Jeffry Philimon, Pengetua SAS, Dona Undoh bersama-sama dengan Penolong Kanan Kokurikulum Jakson Kuanfu, Penolong Kanan HEM Yee Choon Hian serta guru-guru SM St. Anthony.

Puan Dona merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak PDRM dan pihak Angkatan Pertahanan Awam yang

menjaga keselamatan peserta larian dan mengawal lalu lintas serta bersedia menghadapi pelbagai kemungkinan.

Keputusan keseluruhan Acara Merentas Desa SM St. Anthony pada tahun ini adalah seperti berikut iaitu Johan dimenangi oleh Rumah Sukan Waja, Naib Johan dimenangi oleh Rumah Sukan Satria dan Tempat Ketiga dimenangi oleh Rumah Sukan Wira.

**Sumber berita : Cikgu DK Suhana bint PG Tassip**

---

## **Kejohanan Larian Merentas Desa 2018 Peringkat Sekolah SK Pekan Satu W.P Labuan**



**Labuan, 27 Januari 2018** – Sekolah Kebangsaan Pekan Satu (SKPS) telah mengadakan Kejohanan Larian Merentas Desa bertempat di Taman Botani W.P Labuan pada pukul 7.00 pagi sehingga pukul 10.30 petang . Larian merentas desa ini melibatkan semua pelajar tahap dua SKPS dan pelajar-pelajar PPKI .

Kejohanan Larian Merentas Desa ini merupakan program yang

menyokong kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan murid yang berperibadi seimbang serta harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mencapai sasaran 1Murid 1Sukan di samping dapat mencungkil bakat-bakat baru serta memupuk minat murid sekolah untuk terus bersukan



Kejohanan Larian Merentas Desa ini dibahagikan kepada 3 kategori iaitu Lelaki, Perempuan dan PPKI. Kejohanan ini diadakan untuk menyiapkan diri murid-murid dan pasukan rumah sukan yang akan bertanding di kejohanan sukan tahunan serta mencari wakil sekolah dalam acara merentas desa ke peringkat daerah.

Selain itu , adik Mohd Saiful Ridwan (12 tahun) telah berjaya menjadi peserta pertama yang tiba di garisan penamat dan berjaya mewakili Wilayah Persekutuan Labuan ke MSSM di Ipoh, Perak. Kemenangan ini menjadi suntikan semangat kepada semua murid di SK Pekan Satu untuk terus bersaing secara sihat sesama mereka dalam acara sukan .

Puan Anita Shyamini iaitu Guru Besar SKPS telah menyatakan dalam ucapan beliau *'Saya merasakan kejohanan ini merupakan medan terbaik untuk guru-guru mencipta kreativiti memacu semangat pelajar, manakala para pelajar pula berpeluang mengerah kudrat, melepaskan beban emosi dengan berlari secepat yang mungkin, maka akan terciptalah momentum yang dapat menjana tenaga dalaman*

*seterusnya menjadi juara.'* katanya .



Harapan SKPS pada tahun ini adalah untuk mencungkil bakat atlet pelajar-pelajar SKPS dan mampu membawa nama SK Pekan Satu serta Wilayah Persekutuan Labuan ke peringkat yang lebih tinggi . Motto terbaharu SKPS '**DARE TO WIN**' adalah salah satu batu loncatan untuk menyuntik semangat warga SKPS kearah budaya berdaya saing secara sihat terutamanya dalam ko-kurikulum .

SKPS truly number 1!

Labuan Hebat Guru Sayang Muridnya,

Kemenjadian dan kecemerlangan murid bermula disini.

---

# **Peranan Ibu Bapa Penting Bantu Murid**



**Labuan, 20 Jan** – PERANAN ibu bapa dikenalpasti antara elemen penting untuk membantu mencemerlangkan pendidikan murid di Sekolah Kebangsaan (SK) Lubok Temiang, Labuan.

Guru Besar Encik Awat @Cally Moguring berkata sudah sampai masanya ibu bapa memainkan peranan utama mereka membantu guru-guru mendidik anak mereka sendiri.

Beliau berkata ibu bapa tidak seharusnya membiarkan guru bertindak sendirian sedangkan mereka sendiri tidak berbuat apa-apa untuk memastikan anak mereka seimbang dalam pelbagai bidang termasuk akademik dan sahsiah.

*“Ibu bapa mesti bantu guru untuk memastikan anak-anak mereka tidak ketinggalan dalam bidang akademik dan sahsiah. Mereka harus berganding bahu dengan pihak sekolah agar anak mereka mempunyai semangat mahu cemerlang sejak dari sekolah rendah lagi,”* katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Aku Janji Murid Tahun Enam SK Lubok Temiang 2018 di Dewan Terbuka sekolah.



Lafaz Aku Janji murid tahun enam SK Lubok Temiang di hadapan ibu bapa dan guru



Encik Cally menyampaikan sijil penghargaan kepada Ustaz Ahmad Sharizal

Pada majlis itu, seramai 40 murid daripada 87 calon yang akan menduduki UPSR 2018 melafazkan ikrar di hadapan ibu bapa dan guru-guru.

Selepas itu, ibu bapa menurunkan tandatangan pada kain rentang sebagai simbolik sokongan dan dorongan ibu bapa terhadap kecemerlangan anak-anak.

Turut hadir, Penolong Kanan Pentadbiran Encik Roslan Mohamad, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Encik Farid Marcus, Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Sub Zon 8 Tuan Haji Alias Husin, Yang Dipertua PIBG Encik Mohd Dzulfaizal Ab Manan dan Timbalannya Ustaz Syahmun Yahya.

Majlis dimulakan dengan ceramah motivasi oleh Pengurus Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Cawangan Labuan Ustaz Ahmad Sharizal Mohd Saffian.

**Sumber Berita : SK Lubok Temiang**

---

# Juara Pertandingan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) bagi Kategori Kaedah Pentaksiran / Penilaian Alternatif di K-Novasi P&P 2018.



KUALA LUMPUR 18 Januari – Suriani Alland Rice Oxley, School Improvement Specialist Coaches (SISC+), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah menjuarai Pertandingan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) bagi kategori Kaedah Pentaksiran / Penilaian Alternatif di K-Novasi P&P 2018.

Kajian dan inovasi beliau yang bertajuk “Enhancing Teacher’s Reflection Skill In Classroom Testing To Improve Pupils’ English Language Performances Using ‘Gigi Buruk’ Ruler” telah melayakkan beliau membawa pulang wang tunai sebanyak RM1000, medal emas dan sijil.

Karnival Inovasi Pengajaran & Pembelajaran UKM atau K-Novasi P&P 4.0 dianjurkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai satu usaha menggiatkan aktiviti mentransformasi sistem pembelajaran dengan menyemarakkan

budaya berinovasi dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) dikalangan ahli akademik.

K-Novasi P&P 4.0 telah menarik minat seramai 273 orang ahli akademik dari seluruh institusi pendidikan di seluruh Malaysia yang menyertai Pertandingan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) bagi 3 kategori iaitu e-Pembelajaran/Bahan Bantu Mengajar, Kaedah Pengajaran/ Penyeliaan Pelajar dan Kaedah Pentaksiran Penilaian Alternatif.

Karnival ini telah mula dianjurkan semenjak tahun 2014 yang bertujuan untuk mengenal pasti produk dan inovasi P&P yang boleh diketengahkan di peringkat kebangsaan melalui Pertandingan Inovasi P&P di samping meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga akademik berkaitan teknik atau pendekatan inovasi P&P terpilih melalui Bengkel Nano Inovasi P&P.

Selain itu, pelaksanaan karnival ini juga adalah untuk berkongsi idea serta pandangan mengenai isu-isu utama berkaitan dengan P&P daripada perspektif yang berbeza terutamanya dalam kontek menyahut cabaran industri 4.0 melalui program baharu yang diperkenalkan dalam K-Novasi ke-4 iaitu program Bicara 4.0 yang disampaikan oleh pakar dalam & luar negara.



---

**Kunjungan Hormat Pentadbir  
SMK Labuan ke Pejabat Ketua  
Polis IPD Labuan**



**Labuan, 15 Januari** – Pentadbir sekolah SMK Labuan yang diketuai oleh Pengetua Encik Ismail Abdullah, telah membuat kunjung hormat ke Pejabat Ketua Polis IPD Labuan.

Objektif utama kunjungan tersebut adalah menjalin hubungan erat dan kerjasama antara SMK Labuan dengan IPD Labuan, terutama berkaitan kes disiplin dan keselamatan murid, serta program-program anjuran bersama yang berbentuk pencegahan agar dapat mendidik murid-murid lebih waspada dan peka terhadap ancaman dan risiko persekitaran termasuk rakan-rakan.

SMK Labuan komitmen untuk menangani isu Sekolah Hot Spot dengan kerjasama Pegawai Polis Angkat SMK Labuan.

Warga SMK Labuan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan murid-murid dan warga sekolah dapat mengelakkan diri daripada risiko-risiko persekitaran terutama di luar waktu persekolahan.

Pihak sekolah juga telah menubuhkan Task Force Sekolah Hot Spot pada tahun lepas, melibatkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan serta agensi bukan kerajaan.

Kunjungan itu disertai oleh semua Penolong Kanan SMK Labuan, iaitu Pn Zalina binti Zunkepely (Penolong Kanan

Pentadbiran), Ustazah Marziawati binti Mardan (Penolong Kanan Hal Ehwal Murid), En Cheah Teong Aik (Penolong Kanan Kokurikulum) dan En Saminan bin Sabtu (Penolong Kanan Tingkatan 6).

Ketua Polis IPD Labuan, Supt Muhamad Farid bin Ahmad menyambut baik usaha murni dan bersedia membantu warga SMK Labuan dalam menangani kes keselamatan serta disiplin murid.

Turut serta dalam perbincangan dua hala tersebut ialah DSP Mohd Ibrahim bin Md Ghani (Timbalan KP Daerah Labuan), DSP Boniface ak Bajai (Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah) dan Inspektor Kannan (Pegawai Bahagian Narkotik).

Pihak sekolah berharap agar hubungan yang terjalin antara SMK Labuan dan IPD Labuan akan memberi banyak kebaikan kepada kedua-dua pihak dalam usaha bersama untuk mencegah risiko-risiko keselamatan dan disiplin murid, yang akhirnya akan membantu usaha untuk membentuk keperibadian murid dan menjadi modal insan yang berguna untuk Negara.

SMK Labuan kini mempunyai 1397 murid dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6, 56 buah kelas serta 133 orang guru.

Sepanjang tahun lepas SMK Labuan telah mencapai banyak kejayaan di peringkat kebangsaan seperti pertandingan koir, concert band, Kuiz Kimia Kebangsaan, dan yang terkini ialah kejayaan 8 orang murid mendapat semua A dalam PT3.

**Sumber Berita : SMK Labuan**